

# Komanwel sanggup kongsi maklumat

KUALA LUMPUR 7 Feb. — Era teknologi yang melanda dunia hari ini menuntut negara-negara Komanwel supaya mempunyai kesanggupan berkongsi maklumat teknologi, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, berkongsi teknologi boleh mendekatkan jurang pencapaian di bidang sains dan teknologi di kalangan negara-negara Komanwel.

"Sesuai dengan perkataan *Common wealth*, sepatutnya kekayaan, seperti pengetahuan teknologi maklumat dikongsi bersama di kalangan negara-negara Komanwel," kata beliau kepada para pemberita selepas mendengar taklimat pencapaian Kumpulan Industri Malaysia-Kerajaan Bagi Industri Berteknologi Tinggi (MIGHT) di sini hari ini.

Turut hadir mendengar taklimat ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kalaupun tidak dapat berkongsi hasil bumi, tetapi negara-negara Komanwel boleh bertukar-tukar maklumat teknologi dan MIGHT mempunyai cara untuk berkongsi teknologi *know-how* berkenaan," kata beliau.

Dr. Mahathir menambah, banyak bidang teknologi, sama ada yang sedia ada atau yang baru, boleh dipelajari oleh pihak-pihak tertentu di negara ini daripada negara-negara Komanwel yang lain.

## Teknologi

"Jumlahnya (teknologi) yang boleh diceburi adalah tidak terhad," kata beliau.

Menurut Perdana Menteri, selain Malaysia, negara-negara Komanwel juga telah menyedari bahawa mereka kini tidak boleh bergantung semata-mata kepada hasil komoditi utama, misalnya kepada hasil kelapa sawit dan getah.

Sementara itu, Pengerusi Bersama MIGHT, Datuk Dr. Omar Abdul Rahman berkata, taklimat yang diberikan kepada Perdana Menteri ialah berhubung pencapaian MIGHT sepanjang 12 bulan penubuhannya.

Menurut beliau, dalam usia MIGHT yang masih muda, beberapa buah negara Komanwel, misalnya, Afrika Selatan, Zimbabwe, Botswana, Mesir dan Malta telah meminta MIGHT mengajar mereka mekanisme serta fungsi MIGHT.

"Negara-negara berkenaan begitu berminat dengan MIGHT dan mahu menubuhkan satu badan yang menyerupai MIGHT di negara masing-masing," kata beliau.

Tambah beliau, MIGHT mempunyai tanggungjawab menjalin hubungan jangka pendek dan jangka panjang antara swasta-kerajaan di negara ini di bidang teknologi tinggi menerusi beberapa programnya, misalnya, program Total Quality Management (TQM).

"Program TQM ini telah menarik perhatian MALTA, sehingga negara itu mahu menyerapkan TQM di dalam usaha mereka menjadi pusat telekomunikasi di Mediterranean," kata beliau.